



**MESYUARAT KUMPULAN FOKUS BELANJAWAN 2020 :
*AFFORDABILITY OF HOUSING***

DI KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)



Pada 22 Ogos 2019, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mempengerusikan satu Mesyuarat Kumpulan Fokus Belanjawan 2020 : *Affordability Of Housing*. Mesyuarat ini dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin dan Menteri Kewangan (MOF), YB Tuan Lim Guan Eng. Pertemuan dua menteri ini adalah bertujuan membincangkan penyediaan rumah mampu milik menjelang Belanjawan 2020.

Semasa sidang media, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin menjelaskan bahawa KPKT akan melancarkan enam (6) lagi skim pembiayaan perumahan pada pertengahan Oktober ini bertujuan membantu rakyat terutama golongan B40 untuk memiliki rumah. Skim ini masih dalam proses untuk dimuktamadkan dan dijangka akan disertai oleh 15 bank dan institusi kewangan.



Menerusi sidang media yang sama, Tuan Lim Guan Eng menjelaskan bahawa bayaran ansuran bulanan bagi peminjam di bawah Dana Rumah Mampu Milik dijangka dapat dikurangkan sebanyak 20 peratus dengan kelonggaran syarat yang diberikan terhadap pemohon dana itu. Malah, pemohon yang berjaya akan menikmati kadar faedah yang rendah pada 3.5 peratus setahun dengan tempoh pinjaman sepanjang 40 tahun. Selain daripada itu, pemohon juga akan mendapat pengecualian duti setem ke atas perjanjian jual beli dan perjanjian jualan.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat